

## ABSTRAK

Penterjemahan bahasa kiasan adalah satu aspek penterjemahan yang bukan sahaja memerlukan pengetahuan bahasa-bahasa dan budaya yang terlibat, tetapi juga pengetahuan khusus tentang wacana dan strategi yang sesuai bagi bahasa kiasan.

Disertasi ini mengkaji dan menganalisis terjemahan bahasa kiasan daripada bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu untuk mengenal pasti bahasa kiasan yang digunakan dan strategi-strategi penterjemahan bahasa kiasan yang diambil penterjemah.

Untuk itu, sebuah teks telah dipilih iaitu sebuah novel terjemahan daripada bahasa Jepun karya Soseki Natsume (1914) berjudul KOKORO yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Thaiyibah Sulaiman (1996) berjudul KALBU.

Objektif utama kajian ini adalah :-

1. Mengenal pasti dan menyenaraikan jenis-jenis bahasa kiasan yang

terdapat dalam teks asal

2. Mengenal pasti dan menyenaraikan terjemahan bahasa kiasan yang terdapat dalam teks terjemahan
3. Mendapatkan kekerapan penggunaan bahasa kiasan menurut bab.
4. Mengenal pasti dan mengkaji strategi yang digunakan oleh penterjemah bagi menterjemahkan bahasa kiasan dalam teks ini.

Daripada analisis yang telah dibuat, didapati antara lain, (1) dibandingkan dengan versi bahasa Melayu, versi bahasa Jepun menggunakan lebih banyak jenis bahasa kiasan yang mencerminkan kemungkinan besar bahawa bahasa Jepun pada amnya menggunakan lebih banyak bahasa kiasan dibandingkan bahasa Melayu dan (2) strategi utama penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah ialah menterjemah tanpa mengekalkan unsur-unsur atau imej-imej bahasa kiasan.

## ABSTRACT

The translation of figurative language is an aspect of translation which not only requires the knowledge of languages and cultures of both source and target languages but also of specific discourse and appropriate translation strategies peculiar to idiomatic expressions.

This dissertation studies and analyses the translation of figurative language from Japanese into Malay in order to identify types and ways of translating idiomatic language.

For this purpose the translation of a novel by Soseki Natsume (1914) entitled KOKORO has been selected. The translated version is entitled KALBU translated by Thaiyibah Sulaiman (1996).

The objectives of this study are :-

1. to identify and to list the types of idiomatic expressions found in the original text

2. to identify and list the translated idiomatic expressions found in the translated text
3. to discover the comparative frequency of occurrence of the idiomatic expressions
4. to specify the strategies used by the translator in dealing with the translation of these idiomatic expressions.

Some of the findings of this study are that, (1) in comparison with the bahasa Melayu version of the novel, the Japanese version makes use of a larger range of idiomatic expressions and uses them more frequently and (2) that the method used to translate idiomatic expressions is mainly translating the meaning of the idiomatic expressions without retaining the idiomatic imagery.